

Ciri-ciri Ekonomi Tempatan dan Pelancongan


- Sejumlah 400 orang penduduk telah disoal selidik pada Mac 2018 dan Mac 2019.
- Kebanyakan penduduk yang disoal selidik terdiri daripada pekerja di sektor swasta (21%), pemilik perniagaan (20%), nelayan (16%) dan lain-lain (43%). 47 daripada 400 penduduk yang ditemubual tidak mempunyai pekerjaan.
- Pantai Teluk Ketapang merupakan salah satu produk pelancong yang berada berhampiran dengan kawasan projek.
- Di antara perniagaan yang dijalankan disepanjang Pantai Teluk Ketapang adalah gerai makanan (rujuk Rajah 1 dan Gambar 3 untuk kawasan penjaja), penjualan produk pelancongan seperti keropok lekor losong, dan penyediaan servis menunggang kuda (Gambar 2).
- Selain itu, terdapat juga sejumlah homestay dan chalet berdekatan dengan Pantai Teluk Ketapang (Rajah 2).



Gambar 1: 16% responden adalah nelayan.



Rajah 1: Kawasan penjaja makanan di sepanjang Jalan Pantai Teluk Ketapang (kotak kuning).



Rajah 2: Taburan hotel, chalet dan homestay berdekatan dengan kawasan projek.



Gambar 2: Aktiviti menunggang kuda di Pantai Teluk Ketapang.



Gambar 3: Penjaja di sepanjang Jalan Pantai Teluk Ketapang.

Kesan kepada Ekonomi Tempatan dan Pelancongan

- Pembinaan projek akan menjejaskan pemandangan laut yang akan menyebabkan pemandangan menjadi kurang menarik. Oleh itu, Pantai Teluk Ketapang tidak akan dianggap sebagai tarikan pelancong. Dengan kehilangan daya tarikan, ini boleh menjejaskan bilangan pelawat ke kawasan pantai.
- Penurunan bilangan pelawat ke kawasan Teluk Ketapang mungkin akan menjejaskan aktiviti ekonomi utama yang beroperasi di sepanjang pantai seperti chalet, homestay dan penjaja makanan, terutamanya pendapatan bersih harian mereka.
- Pantai Teluk Ketapang akan ditutup berserta dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Pantai Teluk Ketapang dan akan digantikan dengan perbandaran baru. Akan tetapi, kawasan pantai baru, terusan and laluan pejalan kaki akan dibina di kawasan projek yang mungkin akan menjadi daya tarikan baru kepada pelancong.
- Projek ini mungkin juga akan meningkatkan nilai hartanah dan perumahan seperti harga rumah sewa.
- Kemasukan tenaga pekerja semasa peringkat pembinaan dan untuk industri perhotelan, pelancongan dan perindustrian semasa peringkat operasi mungkin akan memberi kesan yang baik terhadap ekonomi tempatan dan akan meningkatkan peluang pekerjaan di Seberang Takir.

Langkah-Langkah Mitigasi


- Peluang pekerjaan diberi lebih pertimbangan kepada penduduk tempatan.
- Pemaju projek akan berbincang dengan pihak berkuasa tempatan mengenai kemungkinan mempromosikan ekonomi tempatan seperti penjaja makanan sedia ada.

Zon Hakisan Kritikal di Kawasan berhampiran Projek

- Kawasan persisiran pantai terdedah kepada hakisan akibat ombak kuat disamping projek-projek pembangunan pantai yang sedia ada dan kerja pembaikan muara sungai.
- Masalah hakisan dikesan di bahagian utara landasan lapangan terbang (Tok Jembal, Kawasan UMT) yang berpunca daripada kerja-kerja memperluaskan landasan Lapangan Terbang Sultan Mahmud diantara tahun 2008 dan 2011 (rujuk Rajah 1).
- Kawasan zon hakisan kritikal juga termasuklah Pantai Teluk Ketapang (kawasan Projek) yang berpunca daripada kerja-kerja pembinaan pemecah ombak K. Terengganu yang siap dibina pada tahun 2008 (rujuk Rajah 1).
- Untuk menangani masalah hakisan, beberapa struktur perlindungan pantai telah dibina.




Gambar 1: Jalan pantai baru dan lapis-lindung sepanjang jalan Pantai Teluk Ketapang .




Gambar 2: Tembok pemecah ombak dan benteng hakisan berdepan pantai Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



Rajah 1: Zon Hakisan Kritikal (Sumber: Google Earth Pro tahun 2019).



Gambar 3: Pemecah ombak Tok Jembal.



Rajah 2: Model pergerakan sedimen semasa Monsun Timur Laut.

Potensi Impak Hakisan yang berpunca daripada Projek

- Kawasan penambakan ini akan bertindak sebagai pelindung kepada Pantai Teluk Ketapang.
- Untuk menilai impak, model hidraulik mengambilkira keadaan ombak, arus dan pergerakan sedimen telah dijalankan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3 untuk contoh impak pada musim monsoon timur laut.
- Keputusan model hidraulik menunjukkan secara amnya, projek ini tidak akan memberi impak ke atas morfologi pantai di utara Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan kawasan selatan pemecah ombak K. Terengganu (rujuk Rajah 2).
- Impak aktiviti penambakan adalah kecil terutamanya kerana tapak projek dan aktiviti penambakan berada di kawasan terkandung, iaitu di antara Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan pemecah ombak Kuala Terengganu; di mana, pengangkutan sedimen di antara kedua-dua struktur ini adalah sangat sedikit.

Langkah-langkah Mitigasi

- Tiada langkah mitigasi diperlukan kerana tiada impak diramalkan di kawasan bersebelahan, sementara itu pembangunan projek ini akan melindungi pantai yang sedia ada di sepanjang jalan pantai baru di Pantai Teluk Ketapang.
- Walaubagaimanapun, aktiviti pemantauan profil pantai akan dijalankan untuk memantau hakisan di kawasan yang berpotensi mengalami hakisan dan sedimentasi.
- Kawasan yang akan dipantau adalah pantai UMT, pantai Lapangan Terbang Sultan Mahmud, pantai pemecah ombak K. Terengganu dan pantai di selatan pemecah ombak K. Terengganu (rujuk Rajah 3).

Rajah 3: Kawasan Pemantauan Profil Pantai (garisan kuning).

